

Dewan Negara

Senarai penerima subsidi petrol diumum Februari



Orang ramai boleh menyemak kelayakan Program Subsidi Petrol bermula Februari depan.
(Foto hiasan)

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dijangka mengeluarkan senarai muktamad penerima Program Subsidi Petrol (PSP) pada Februari depan, kata Timbalan Menterinya, Chong Chieng Jen.

Beliau berkata, pengumuman berhubung perkara itu akan dibuat kementerian menerusi satu kenyataan rasmi, selepas pemurnian data itu selesai dilaksanakan.

“Berdasarkan data diterima daripada program Bantuan Sarana Hidup (BSH) dan disilang semak mengikut data pemilik kenderaan yang diterima daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), sejumlah 2.9 juta individu layak menerima bantuan daripada program ini.

“Sementara itu, 346,491 penerima PSP yang layak sudah menyemak dan mengemas kini maklumat akaun bank mereka, manakala 480,317 individu yang

tidak layak juga mengemukakan rayuan melalui portal PSP,” katanya pada sesi pertanyaan jawab lisan persidangan Dewan Negara, semalam.

Beliau menjawab soalan Senator Datin Rahimah Mahamad, yang ingin tahu jumlah berdaftar penerima PSP dan jumlah permohonan rayuan yang diterima, bagi memuktamadkan jumlah sebenar penerima subsidi yang layak dalam PSP.

Cheng Jen yang juga Ahli Parlimen Stampin berkata, pada masa ini kementeriannya sedang melaksanakan semakan maklumat rayuan yang diterima dengan data daripada program BSH, JPJ dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Katanya, tempoh semakan dan rayuan bagi PSP dilakukan melalui portal PSP iaitu sp.kpdnhep.gov.my yang dijalankan pada 15 Oktober hingga 30 November lalu. BERNAMA



 Berdasarkan data diterima daripada BSH dan data pemilik kenderaan JPJ, 2.9 juta individu layak menerima bantuan daripada program ini.

Chong Chieng Jen,
Timbalan Menteri KPDNHEP